

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]
TARIKH : 23 MEI 2016
SOALAN :

YB Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keadaan semasa dan statistik kes demam denggi untuk tempoh masa tiga tahun yang lalu serta langkah-langkah yang diambil bagi membanteras nyamuk Aedes.

Tuan Yang di-Pertua,

Kes demam denggi sejak tiga (3) tahun lalu adalah seperti berikut:

- Tahun 2013 : 43,346 kes
- Tahun 2014 : 108,698 kes
- Tahun 2015 : 120,836 kes

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan di seluruh negara dari Januari hingga 30 April 2016 adalah sebanyak 44,202 kes, berbanding 40,007 kes bagi tempoh yang sama tahun 2015, peningkatan sebanyak 10.5% (4,195 kes). Di samping itu, sebanyak 98 kematian dilaporkan berbanding 126

kematian dalam tempoh yang sama pada tahun 2015, iaitu penurunan sebanyak 22.2%.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat komited dan telah melaksanakan pelbagai langkah-langkah pencegahan dan kawalan denggi yang dibawa oleh nyamuk Aedes. Antara langkah pencegahan dan kawalan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Mengambil langkah-langkah preventif membanteras denggi dengan penglibatan secara bersepadu lain-lain kementerian dan agensi melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian sejak bulan Julai 2014. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp). Antara fokus yang diberikan penekanan dalam Jawatankuasa ini adalah peranan yang boleh dimainkan oleh pelbagai agensi mengikut bidang kuasa masing-masing seperti PBT menambahbaik sistem kutipan sampah sekurang-kurang tiga (3) kali seminggu, meningkatkan penguatkuasaan di tanah/lot kosong dan menyelaraskan aktiviti antara PBT dan Pejabat Kesihatan Daerah terlibat melalui *One Stop Center* (OSC);
- ii. Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Denggi pada peringkat negeri yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar atau diwakilkan kepada Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Exco Kesihatan dengan kerjasama pelbagai jabatan dan juga agensi;

- iii. Mengambil langkah holistik bagi meningkatkan kebersihan persekitaran di Malaysia melalui pengubalan Dasar Kebersihan Kebangsaan 2016-2020 sebagai usaha menjadikan Malaysia salah sebuah negara terbersih di dunia menjelang 2020;
- iv. Menggunakan *web-based system* iaitu Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD) bagi meningkatkan pengawasan ke atas lokaliti kes dan wabak denggi supaya tindakan kawalan yang segera dan berkesan dapat dilaksanakan dan Sistem iDengue yang digunakan bagi orang ramai mengetahui tentang info denggi, situasi kes dan wabak denggi di kawasan masing-masing;
- v. Menjalankan aktiviti pembersihan di kawasan yang berisiko pembiakan Aedes seperti kawasan tanah atau lot kosong, tapak binaan, rumah terbiar dan tempat tumpuan awam dengan penglibatan PBT dan agensi lain. Selain daripada aktiviti pembersihan kawasan, aktiviti larviciding juga dijalankan bagi menghapuskan larva nyamuk Aedes;
- vi. Melaksanakan langkah kawalan yang baru iaitu teknik semburan dalam kawalan nyamuk Aedes iaitu *Outdoor Residual Spray* (ORS) terutama di lokaliti hotspot;

- vii. Meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui slot media cetak dan elektronik secara percuma seperti di akhbar-akhbar tempatan, radio dan juga televisyen. Ini juga termasuk penggunaan media sosial seperti *facebook*, *whatsapp*, *twitter* dan sebagainya untuk meningkatkan penglibatan dan kesedaran masyarakat;

- viii. Meningkatkan kerjasama dengan syarikat swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam melaksanakan aktiviti pencegahan denggi melibatkan pelajar, contohnya program *Dengue Patrol*, dan melibatkan komuniti seperti *Dengue Free Malaysia Movement* dan *Dengue Patrol*; dan

- ix. Memperkukuhkan Program Bebas Denggi yang melibatkan institusi seperti Program Bebas Denggi di Sekolah dan juga di IPTA/IPTS oleh Kementerian Pendidikan serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pencegahan denggi melalui penubuhan pasukan COMBI terutama di lokaliti wabak dan hotspot dengan kerjasama JKKK, JMB dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP).